

1982

BEREMBAN, 17 OGOS, (BERNAMA) -- DATUK SERI DATUK MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN TENTANG PENTINGNYA PARA PEMAJU PERUMAHAN BUMIPUTERA BERUSAHA Mendapatkan KEPERCAYAAN MASYARAKAT TERHADAP MEREKA DARI SEGI JANGKA PANJANG DENGAN CARA MENGAWAL MUTU HASIL KERJA MEREKA.

SYARIKAT-SYARIKAT BINAAN BUMIPUTERA HARUSLAH MENYEDARI BAHAWA KEPERCAYAAN MASYARAKAT PADA JANGKA PANJANG ITU ADALAH LEBIH PENTING DARIPADA Mendapat KEUNTUNGAN DENGAN CEPAT TETAPI KURANG JUJUR, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU TIDAK PUASHATI DENGAN PENYERTAAN SYARIKAT PEMBINAAN BUMIPUTERA SETAKAT INI DAN BERKATA USAHA-USAHA YANG LEBIH GIGIH MESTILAH DIAMBIL OLEH PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA BAGI MEMPERBAIKI KEDUDUKKAN MEREKA.

BERUCAP MERASMIKAN PROJEK PERUMAHAN TAMAN TUANKU KIRA-KIRA 10KM DARI SINI BELIAU BERKATA, 'SYARIKAT PEMBINAAN BUMIPUTERA MESTILAH MENJADI CONTOH YANG BAIK DAN MEMBUKTIKAN KEMAMPUAN MEREKA DAPAT BERTANDING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT PEMBINAAN YANG LAIN'. -- LAGI 1400/PA
B560:

MAHATHIR - PEMAJU 2 BEREMBAN

PERDANA MENTERI BERKATA BAGI SYARIKAT PEMBINAAN CONTOH BAIK TERMASUKLAH MENDIRIKAN RUMAH MENGIKUT PLAN YANG DILULUSKAN, MENJAMIN KUALITI YANG TINGGI DAN MENEPATI JANJI.

'PEMBELI-PEMBELI TIDAK SEHARUSNYA MENJADI TEMPAT UNTUK MENGAUT UNTUNG SEMATA-MATA.

PERNAH DIDENGAR RUMAH-RUMAH BATU DIBINA TANPA RUANG UDARA YANG MUNABABAH BILING YANG TERLALU RENDAH SEHINGGA KIPAS BOLEH DIPEGANG DENGAN TANGAN BILA SESEORANG BERTIRI DAN SEBAGAINYA' KATANYA.

'WALAU PUN GEJALA BURUK ATAU AMALAN YANG KURANG BIHAT ITU DILAKUKAN BUKAN SAHAJA OLEH SYARIKAT BUMIPUTERA, SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTERA HARUSLAH BEDAR BAHAWA KEPERCAYAAN JANGKA PANJANG MASYARAKAT

ADALAH FAKTOR YANG LEBIH PENTING DARIPADA Mendapat UNTUNG DENGAN CEPAT TETAPI KURANG JUJUR, KATANYA.

BELIAU BERHARAP SYARIKAT-SYARIKAT BINAAN KHUSUSNYA BUMIPUTERA MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KEPAKARAN MEREKA BAGI MEMENUHI PERMINTAAN DI SEKTOR BINAAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGESEBA PARA PEMAJU PERUMAHAN BUMIPUTERA MENANAMKAN BIKAP DAN PENDERIAN YANG PROGRASIF BAGI SESEORANG PENGUSAHA

UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENCAPAI KEJAYAAN DALAM BIDANG BINAAN. -- LAGI 1419/PA

B561:

MAHATHIR - PEMAJU 3 BEREMBAN

BELIAU BERKATA ADALAH TIDAK TEPAT SEKIRANYA SYARIKAT BUMIPUTERA BERPENDIRIAN BAHAWA KERAJAAN DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN TIDAK MEMBERI GALAKAN DAN KEMUDAHAN YANG CUKUP KEPADA MEREKA.

'INI BUKANLAH PENDEIRIAN DAN BIKAP YANG PROGRASIF BAGI SESEORANG PENGUSAHA' TEGASNYA.

PENYERTAAN SYARIKAT-SYARIKAT BINAAN BUMIPUTERA DALAM BIDANG PEMBINAAN KATANYA ADALAH SELARAS DENGAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU DAN SENTIAGA DIGALAKKAN, KATANYA.

BAGAIMANAPUN TAMBAHNYA LAGI PENYERTAAN SYARIKAT BINAAN BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI PEMBINAAN MASIH BELUM MEMUASKAN LAGI DAN USAHA-USAHA YANG LEBIH MESTILAH DIAMBIL OLEH PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA SENDIRI.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR DATUK MOHAMAD ISA ABDUL SAMAD KEMUDIAN MELAKUKAN ACARA MEMECAH TANAH SEMPENA MERASMIKAN PROJEK TERSEBUT YANG MERUPAKAN SATU PROJEK PERUMAHAN DAN PERINDUSTRIAN YANG BERSEPADU DAN MEMPUNYAI SEBUAH BANDAR YANG LENGKAP DENGAN SERBA KEMUDAHAN. -- LAGI 1420/PA

MAHATHIR-PEMAJU 4 SEREMBAN

PROJEK TERSEBUT YANG MELIBATKAN KAWASAN LADANG SENAWANG DAN LADANG SEREMBAN SELUAS KIRA-KIRA 2,000 EKAR DIMAJUKAN OLEH SEBUAH SYARIKAT USAHA SAMA ANTARA SUNGAI GADUT DEVELOPMENT SDN BHD. DENGAN SEBUAH SYARIKAT ASING. -- BERNAMA 1430/SZ